



**MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
PENDAFTARAN KONTRAKTOR KERJA-KERJA LANTIKAN TERUS
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

Pendaftaran adalah dipelawa kepada kontraktor Gred G1 di daerah Port Dickson yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan dengan awam/bangunan serta bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang masih sah tempohnya untuk melaksanakan kerja-kerja Lantikan Terus mengikut klasifikasi berikut:-

BIL	KATEGORI	GRED & PENGKHUSUSAN
1	Kontraktor Kerja-kerja (Awam / Bangunan)	Gred G1 CE21 / B04

2. Pendaftaran boleh dibuat di kaunter Jabatan Kejuruteraan, Majlis Perbandaran Port Dickson seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 31 Oktober 2022 (Isnin) sehingga 04 November 2022 (Jumaat)

Masa : 8:30 pagi – 4:30 petang setiap hari

Pendaftaran selepas tempoh tersebut tidak akan diterima.

3. Hanya penama syarikat yang berdaftar di dalam sijil CIDB, PKK yang dibenarkan untuk mendaftar (wakil syarikat tidak dibenarkan). Kontraktor dikehendaki membawa sijil-sijil **ASAL** beserta salinan sijil-sijil dan hendaklah menyerahkan salinan sijil-sijil kepada urusetia semasa pendaftaran. Salinan sijil-sijil yang perlu dibawa adalah seperti berikut:-

3.1 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan

3.2 Sijil SSM

3.3 Surat Pengiktirafan Bumiputera dengan PKK

3.4 Sijil Pendaftaran MPPD

3.5 Perakuan Pendaftaran dengan CIDB

4.0 Majlis tidak terikat sama ada melantik atau memberikan sebarang tawaran kerja kepada pihak kontraktor yang berdaftar.

Sekian, harap maklum.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah


(MUHAMMAD ZAKI BIN YAHYA)
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Port Dickson